

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]

SOALAN

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bilakah dijangka harga komoditi kelapa sawit akan naik semula.

JAWAPAN

Harga CPO adalah bergantung kepada pertumbuhan ekonomi, permintaan dan penawaran serta jumlah stok minyak sawit oleh negara-negara pengeluar terutamanya Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia.

Kejatuhan harga CPO di Malaysia adalah disebabkan oleh lebih bekalan CPO di pasaran tempatan. Paras stok CPO pada Jun 2019 berjumlah 1.35 juta tan berbanding 1.23 juta tan pada Jun 2018. Faktor lain yang juga menyumbang kepada penurunan harga CPO adalah kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa. Ini kerana minyak kacang soya merupakan barang pengganti kepada minyak sawit. Selain itu, pergerakan nilai matawang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika turut menyumbang kepada turun naik harga CPO di pasaran tempatan.

Namun, Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah drastik untuk membantu menstabilkan harga CPO tersebut. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah

dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan. Implementasi program ini telah membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit negara dengan anggaran peningkatan sebanyak 767,000 tan berbanding sekitar 350,000 tan ketika Program B7. Pelaksanaan program B7 bagi sektor industri pula telah bermula pada 1 Julai 2019. Ini akan meneruskan lagi impak positif tersebut terhadap industri sawit negara.

Selain itu, Kerajaan akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit Malaysia.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit seperti berikut:

- i. memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika, Timur Tengah dan negara-negara ASEAN ;
- ii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- iv. meneruskan kerjasama dengan Indonesia melalui kerangka Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) untuk mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi menangani isu-isu semasa mengenai industri sawit; dan

v. melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Secara tidak langsung, kempen ini juga menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*' sebagai usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit yang memberi implikasi terhadap perdagangan minyak sawit Malaysia.

Dalam hal ini, Kerajaan menjangkakan impak positif pada masa hadapan terhadap harga minyak sawit melalui usaha dan strategi yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.